

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM  
[ PASIR GUDANG ]**

**TARIKH : 17 OKTOBER 2019 [ KHAMIS ]**

**SOALAN NO. 35**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah kemiskinan bandar yang dikatakan lebih serius dari kemiskinan di kampung.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bertujuan membantu kumpulan miskin di bandar bagi meningkatkan kualiti hidup di samping mengurangkan beban tanggungan keluarga.
2. Pelaksanaan PPKB diberi penekanan khusus dalam menangani isu kemiskinan bandar secara holistik dan lebih berkesan berlandaskan Teras Strategik 1 di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) iaitu memperkuuhkan pembangunan inklusif bertujuan untuk memperkasakan kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana.
3. PPKB mensasarkan golongan B40 yang terdiri daripada isi rumah dengan julat pendapatan kurang daripada RM4,360.00 sebulan iaitu isi

rumah miskin tegar, miskin dan mudah miskin. Kumpulan sasar PPKB terdiri daripada warganegara Malaysia dan status kemiskinan mereka telah disahkan dalam Sistem eKasih atau Mesyuarat Focus Group Mengenai Pembasmian Kemiskinan Peringkat Negeri/Daerah atau berdasarkan keputusan Kerajaan dari semasa ke semasa.

4. Secara khususnya, PPKB bertujuan untuk meningkatkan kualiti hidup keluarga B40 bandar melalui strategi keusahawanan dan pembangunan fizikal. Berikut merupakan program-program di bawah PPKB yang telah dan masih dilaksanakan oleh KPKT:

**(i) Baik Pulih Rumah Daif di Bandar**

Program ini merupakan bantuan baik pulih rumah daif kepada golongan B40 bandar yang berhadapan dengan isu rumah seperti kerosakan kecil atau kerosakan disebabkan faktor musibah seperti kebakaran, banjir dan ribut.

**(ii) Program Rumah Sejahtera**

Program pembinaan rumah bagi menggantikan rumah keluarga miskin B40 bandar yang terbakar atau rumah usang yang tidak ekonomik untuk dibaiki.

**(iii) Pemerkasaan Ekonomi Komuniti Bandar (Azam Bandar)**

Program ini bertujuan untuk meningkatkan kemahiran kumpulan sasar supaya mampu mendapat pekerjaan atau mengusahakan perniagaan yang boleh memberikan pendapatan yang lebih tinggi seterusnya meningkatkan kualiti hidup dan keluar dari kepompong kemiskinan. Melalui program ini, para peserta akan dibantu dari segi latihan kewangan, kemahiran, motivasi dan pembekalan peralatan serta diberi panduan untuk berjaya sebagai usahawan.

Sekian, terima kasih.